



NOTA PENTING:

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk menyertai Legasi. **Pastikan juga Anda membaca terma dan syarat am.**

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Legasi adalah pelan takaful bertempoh dengan caruman tetap yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) kepada Orang Yang Dilindungi.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini adalah produk patuh Syariah dengan konsep-konsep Syariah berikut:



Tabarru'

(Derma untuk tujuan kebajikan.)

Di bawah pelan ini, anda menderma suatu amaun daripada caruman ke dalam tabung takaful, untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam tabung takaful.



Wakalah

(Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah.)

Di bawah pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil dan sebagai balasannya, kami akan menerima Yuran Pengurusan.



Qard

(Pinjaman tanpa sebarang faedah.)

Di bawah pelan ini, kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam tabung takaful tanpa faedah sekiranya tabung takaful mengalami defisit untuk membayar tuntutan.



Hibah

(Pemindahan hak milik aset daripada penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan.)

Di bawah pelan ini, manfaat yang akan dibayar daripada tabung takaful adalah berdasarkan Hibah. Penama boleh menerima pembayaran manfaat sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini (juga dikenali sebagai "Pelan Asas" dalam dokumen ini) melindungi:

Manfaat	Jumlah Perlindungan
Pelan Asas	
Manfaat Kematian	RM [Jumlah Perlindungan pilihan anda]
Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK)	RM [Jumlah Perlindungan pilihan anda]

Anda boleh mempertingkatkan perlindungan takaful anda dengan perlindungan tambahan daripada pilihan rider caruman berbayar kami. Rider berikut disediakan tertakluk kepada tambahan Tabarru' dan bayaran caruman.

Manfaat	Jumlah Perlindungan
Pilihan Rider Caruman Berbayar	
Additional Critical Illness	RM [50% daripada Jumlah Perlindungan pilihan anda] Sila rujuk Apendiks untuk senarai empat puluh lapan (48) penyakit kritikal yang dilindungi.

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah [10/20/30] tahun.
- Manfaat KMK dibayar sebelum mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir akan datang.
- Jumlah perlindungan Additional Critical Illness akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi hidup sehingga sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk penyakit kritikal.
- Untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain bagi perlindungan penyakit arteri koronari di bawah peristiwa penyakit kritikal, [RM 25,000 atau 10% daripada Jumlah Perlindungan Additional Critical Illness, mana yang lebih rendah] akan dibayar. Pembayaran tersebut tidak akan menamatkan rider Additional Critical Illness, tetapi akan mengurangkan jumlah perlindungan rider ini sewajarnya.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Caruman yang anda perlu bayar di bawah pelan ini ialah RM [caruman anda] secara [bulanan/tahunan] selama [10/20/30] tahun.

Nota:

- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara bulanan atau tahunan.
- Kadar caruman adalah tidak dijamin** dan mungkin berbeza pada masa hadapan. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum sebarang penyesuaian caruman.

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Yuran Pengurusan ditolak terlebih dahulu sebagai satu peratusan daripada caruman untuk memenuhi perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran kami. Sila rujuk kepada butiran Yuran Pengurusan di bawah.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11+
Yuran Pengurusan (%)	50.00	50.00	40.00	30.00	20.00	20.00	15.00	15.00	15.00	15.00	15.00

Caruman yang dibayar setelah ditolak **Yuran Pengurusan** dianggap sebagai Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam tabung takaful. Walau bagaimanapun, **Tabarru' adalah tidak dijamin**.



Pelan ini disediakan untuk pengedaran dalam talian, dan mungkin melibatkan kerjasama pemasaran bersama rakan kongsi / pengantara kami.



Sila baca bahagian ini dengan teliti.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Tanggungjawab Pendedahan

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat semasa menjawab soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa anda memohon untuk pelan ini). Kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajiban pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.

Tempoh Penelitian Percuma

Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapat bayaran balik penuh Caruman yang telah dibayar.

Tempoh Tangguh

Anda mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh pembayaran caruman (termasuk) untuk membayar setiap caruman yang perlu dibayar. Sekiranya caruman tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful.

Kuat Kuasa Semula

Sekiranya sijil anda telah luput akibat caruman tidak dibayar, anda boleh menguat kuasa semula sijil tersebut pada bila-bila masa dalam satu (1) tahun dari tarikh luput, tertakluk kepada keperluan kami.

Tempoh Menunggu

Untuk Additional Critical illness, tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari dikenakan dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula rider tersebut, yang mana terkemudian, bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Bagi penyakit kritikal selain daripada yang di atas, tempoh menunggu bererti tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula rider tersebut, yang mana terkemudian. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Apendiks untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

Tempoh Hidup

Untuk Additional Critical Illness, manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada orang yang dilindungi hidup sehingga tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk satu penyakit kritikal yang dilindungi.

Lain-lain

- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara bulanan atau tahunan. Walaubagaimanapun, jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran caruman bulanan akan lebih tinggi daripada jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran caruman tahunan.
- Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas permohonan berjaya dan caruman pertama telah dibuat. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan dalam e-Sijil anda yang akan anda terima serta-merta.
- Anda boleh menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- Untuk memastikan perlindungan berterusan di bawah pelan ini, caruman anda akan ditolak secara automatik daripada kad debit / kredit yang anda pilih berdasarkan mod pembayaran caruman yang telah anda pilih.
- Resit untuk caruman yang dibuat akan dikeluarkan ke alamat e-mel Anda seperti yang didaftarkan dengan kami. Adalah penting untuk anda menyimpan resit tersebut sebagai bukti pembayaran caruman.
- Sekiranya insiden berlaku yang menyebabkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu Takaful Malaysia dengan segera. Anda boleh merujuk prosedur tuntutan dalam sijil.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil dan Lampiran untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi berikut:

Manfaat Kematian

- ✗ Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuat kuasa atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

Manfaat KMK

- ✗ KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

Manfaat Penyakit Kritikal

- ✗ Sekiranya tanda dan gejala penyakit kritikal wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian, untuk kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; atau
- ✗ Sekiranya tanda dan gejala penyakit kritikal wujud sebelum atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana

terkemudian, untuk semua penyakit kritikal lain di bawah Apendiks 'SENARAI PENYAKIT KRITIKAL DILINDUNGI' di bawah.

- ✗ Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di atas tidak akan diterima hanya kerana pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada kami selepas tamat tempoh menunggu.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil dan Lampiran untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda **dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar**. Dalam keadaan sedemikian, anda boleh mendapatkan bayaran balik penuh caruman yang telah dibayar.

Tidak akan ada pembayaran balik caruman sekiranya pembatalan dibuat selepas tempoh penelitian percuma. Perlindungan anda akan tamat pada tarikh pembayaran caruman yang seterusnya di mana anda tidak perlu membuat caruman selanjutnya.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal [myTakaful Customer Portal](#) atau memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila hubungi Takaful Malaysia di:

Unit Khidmat Pelanggan Kaotim

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089(131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.



1-300 88 2525



hello@kaotim.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.

Sila rujuk laman web kami di www.kaotim.my.



NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Pelan ini diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] ("Takaful Malaysia" atau "Kami") adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan produk ini adalah berkuat kuasa pada Julai 2025.

LAMPIRAN – SENARAI PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI

Senarai Penyakit Kritikal	
1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	25. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang
2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	26. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
3. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27. Sklerosis Multipel
4. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	28. Distrofi Otot
5. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	29. Kelumpuhan Anggota
6. Pembedahan Otak	30. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
8. Kardiomiopati – keterukan tertentu	32. Penyakit Arteri Koronari Serius
9. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal	33. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	34. Pembedahan Aorta
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	36. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu
13. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	37. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang Diperolehi Melalui Pekerjaan
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir	38. Penyakit Terminal
15. Penyakit Paru – Paru Tahap Akhir	39. Penyakit Medulari Sistik
16. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) Dengan Gejala Penuh	40. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
17. Hepatitis Viral Fulminan	41. Hepatitis Autoimun Kronik
18. Serangan Jantung – keterukan tertentu	42. Pankreatitis Berulang Kronik
19. Pembedahan Injap Jantung	43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob
20. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) Melalui Transfusi Darah	44. Demam Berdarah Ebola
21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	45. Elephantiasis
22. Kehilangan Upaya Hidup (Berdikari)	46. Poliomiellitis
23. Hilang Keupayaan Bertutur	47. Skleroderma Progresif
24. Trauma Kepala Major (Teruk) – mengakibatkan keilangan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	48. Sindrom Eisenmenger yang Teruk